

23 OCT 1998

Belanjawan-Reaksi (Pusat)

BELANJAWAN 1999: RAMAI YAKIN BOLEH ATASI KEMELUT EKONOMI

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Belanjawan 1999 yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini diyakini dapat membantu negara keluar daripada kemelut ekonomi dan kewangan yang dihadapi sejak tahun lepas.

Menteri-menteri kabinet dan anggota Parlimen berpendapat langkah-langkah pemulihan yang dicadangkan menggalakkan pertumbuhan ekonomi melalui perbelanjaan kerajaan dalam pembangunan infrastruktur, pemulihan sistem perbankan dan sumber manusia.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata peruntukan RM13.5 bilion kepada bidang pendidikan membolehkan lebih ramai pelajar mendapat kemudahan pembelajaran.

Katanya, antara kemudahan yang diperuntukkan bagi tahun depan ialah pembinaan lebih banyak sekolah rendah dan menengah.

Sebanyak RM8 bilion diperuntukkan di dalam Belanjawan 1999 untuk pendidikan rendah dan menengah, dengan 183 buah sekolah rendah dan menengah baru dibuka sementara 1,217 buah lagi sedang dan akan dibina.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama membentangkan Belanjawan 1999 yang berjumlah RM65.095 bilion, berkurangan 9.3 peratus berbanding peruntukan tahun lepas.

Najib berkata lebih ramai pelajar kurang mampu akan mendapat faedah daripada skim bantuan buku teks.

"Belanjawan ini akan membawa perubahan daripada suasana kelam sekarang kepada yang lebih cerah dalam menghadapi tahun depan. Belanjawan ini juga akan mendapat sambutan hangat rakyat kerana tidak membebankan walaupun cukai dinaikkan," katanya.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata insentif kepada industri kecil dan sederhana adalah bagi memberi peluang kepada syarikat tempatan meningkatkan eksport mereka.

"Kita telah mengenalpasti syarikat perdagangan tempatan yang menjalankan eksport, jadi kita memansuhkan cukai eksais kepada barangan tertentu," katanya.

Katanya, penghapusan cukai itu juga boleh mengembangkan pasaran domestik.

Belanjawan 1999 antara lain mencadangkan syarikat yang diluluskan taraf sebagai Syarikat Perdagangan Antarabangsa diberikan pengecualian cukai sebanyak 70 peratus pendapatan berkanun daripada nilai peningkatan jualan eksport.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik berkata cuti bagi hari Sabtu yang diumumkan kepada kakitangan awam itu akan dapat menggalakkan pelancongan dalam negara.

Dalam Belanjawan 1999, kerajaan mengumumkan satu hari Sabtu dalam sebulan sebagai cuti umum kepada sektor awam bermula Januari tahun depan.

Mengenai pusat membaiki dan menyelenggara bot mewah dan kapal layar di Langkawi, Sabbaruddin berkata ia satu usaha menjadikan pulau pelancongan itu sebagai pusat membaiki kapal layar dan menggalakkan sukan air.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata belanjawan yang dibentangkan itu akan membawa satu perubahan kepada sistem kewangan yang ada pada negara sekarang.

Ia juga merupakan pelan tindakan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat.

"Dengan ini kita juga boleh mengatasi masalah kewangan dan matawang

yang dihadapi sekarang. Langkah-langkah yang diumumkan dalam belanjawan itu juga bertujuan menggerakkan aktiviti ekonomi ke arah pemulihan," katanya.

Menteri Perusahaan Utama dan Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata cadangan levi keuntungan dikenakan ke atas pengeluaran minyak sawit mentah adalah satu pengorbanan pengeluaran minyak sawit untuk memulihkan ekonomi kerana industri itu mengalami keuntungan yang berganda.

Belanjawan 1999 mencadangkan supaya levi keuntungan dikenakan ke atas minyak sawit mentah apabila harga melebihi RM2,000 setiap tan.

"Jadi untuk membantu negara, pengorbanan oleh pengeluaran minyak kelapa sawit amat dialu-alukan. Ini akan mewujudkan masyarakat penyayang dan membantu sektor ekonomi lain untuk terus hidup," katanya

Mengenai kenaikan duti import ke atas rokok dan keluaran tembakau yang lain mulai hari ini, beliau berkata ia tidak pernah dinaikkan sejak 1993.

Katanya syarikat rokok dan pengeluaran tembakau sudah menikmati keuntungan yang banyak walaupun telah menyumbangkan sebanyak RM260 juta setiap tahun dalam tempoh lima tahun untuk pembangunan sukan.

"Terima kasih di atas sumbangan itu, tetapi kita perlukan hasil dari duti import untuk tambah hasil bagi pembangunan lain selain pembangunan sukan," katanya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Tajol Rosli Ghazali berkata peruntukan tambahan kepada Jabatan Penjara akan digunakan bagi meningkatkan infrastruktur yang ada.

"Kita juga akan menambah lebih banyak tilam dan katil di penjara-penjara untuk memberi lebih keselesaan bagaimanapun, tidaklah sehingga banduan tidak mahu meninggalkannya," katanya.

Belanjawan 1999 memperuntukkan RM8.73 bilion bagi beberapa jabatan termasuk polis, tentera, penjara dan imigresen.

Presiden Kelab Penyokong Kerajaan Ruhanie Ahmad berkata belanjawan bagi tahun depan akan dapat membantu meringankan masalah rakyat di desa dan golongan susah.

Belanjawan 1999 memperuntukkan sebanyak RM1.124 bilion bagi membiayai program pembangunan desa termasuk RM138 juta bagi Sabah dan RM151 juta bagi Sarawak.

Ruhanie berkata kekurangan tempat untuk belajar di institusi pengajian tinggi awam juga mendapat perhatian kerajaan melalui penambahan peruntukan bagi tujuan itu.

"Ini akan mendorong orang kampung untuk mengukuhkan keyakinan dan sokongan kepada kerajaan dan tidak mengizinkan pemikiran mereka dipengaruhi elemen yang bertujuan memusuhi kerajaan," kata anggota Parlimen Parit Sulong itu.

Ruhanie, yang juga Pengerusi MARA, berkata badan itu berharap memperolehi lebih banyak peruntukan bagi tujuan penajaan pelajar.

Anggota pembangkang Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) berkata pada keseluruhannya belanjawan itu memastikan langkah kawalan tukaran asing dapat dijalankan dengan berkesan.

"Bagi rakyat Malaysia kita perlu berusaha untuk pastikan langkah yang diambil membawa kejayaan supaya dapat memulihkan ekonomi di Malaysia," katanya.

Langkah kerajaan mengisytiharkan sehari Sabtu setiap bulan mulai Januari tahun depan sebagai hari cuti bagi pekerja sektor awam bertujuan meningkatkan industri pelancongan domestik adalah langkah yang ditunggu-tunggu oleh sektor pelancongan negara ini.

Pengarah Pemasaran Glenmarie Hotels dan Resorts Malaysia Zakariya Musa berkata sektor pelancongan negara ini amat memerlukan sokongan kerajaan bagi meningkatkan industri itu yang agak kurang memberangsangkan sejak kebelakangan ini.

Pengerusi Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) cawangan utara

Datuk O.K. Lee pula berkata langkah itu patut diikuti oleh sektor swasta yang bukan berunsur pengeluaran barangan.

"Ia adalah langkah yang boleh menjimatkan pelbagai kos sama ada kepada syarikat dan juga kepada pekerja sendiri," katanya.

Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Malaysia (NUTP) N. Siva Subramaniam yang turut mengalu-alukan langkah kerajaan itu berpendapat ianya sejajar dengan konsep masyarakat penyayang di mana pada hari itu semua ketua keluarga akan dapat menghabiskan masa dengan keluarga masing-masing.

Bagaimanapun, beliau berharap akan ada penyelarasan dalam melaksanakan peraturan itu nanti.

"Saya berharap para guru tidak akan diminta mengadakan kelas tambahan atau terlibat dengan aktiviti lain pada setiap Sabtu seperti yang berlaku sekarang bagi membolehkan mereka menghabiskan lebih banyak masa bersama keluarga di rumah atau melancong ke tempat menarik di dalam negara," katanya.

Siva Subramaniam, yang juga setiausaha agung Kongress Kesatuan Pekerja-pekerja Perkhidmatan Awam (Cuepacs), mengalu-alukan saranan kerajaan agar anggota perkhidmatan awam bersikap mesra perniagaan dan berharap sikap itu dapat diterapkan pada diri setiap kakitangan perkhidmatan awam.

Beliau berkata kakitangan kerajaan perlu mengubah sikap dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang dengan memberi layanan yang sama kepada orang ramai tanpa mengira pangkat dan kedudukan.

Beliau berkata keupayaan sesebuah perkhidmtan kerajaan memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada orang ramai banyak bergantung kepada sikap kakitangan yang mengendalikan perkhidmatan itu.

-- BERNAMA

TM AKD